

Koperasi dibantu wujud kakitangan profesional

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi diminta membantu koperasi negara ini mewujudkan kakitangan profesional untuk meningkatkan tahap kecekapan pengurusan seperti dilaksanakan koperasi berjaya di negara maju.

Kakitangan profesional itu akan memastikan proses penyusunan semula pengurusan koperasi berjalan lancar dan tahap sosioekonomi lebih lima juta ahlinya ditingkatkan menerusi sistem pengurusan berorientasikan perniagaan menerusi rantaian nilai industri.

Ketika ini, kebanyakan koperasi terutama di luar bandar hanya diuruskan kakitangan sambilan dan bukan profesional, sekali gus me-

nyukarkan pelaksanaan perancangan kerajaan serta kurang memberi input baru untuk meningkatkan pendapatan koperasi.

Pengerusi Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (Narsco), Aliasak Ambia, berkata cadangan kementerian melaksanakan sistem rantaian nilai industri memang positif dan disambut baik, tetapi perlu dipastikan ia bergerak seiring perubahan struktur pengurusan.

“Sebelum melaksanakan sistem itu, kementerian perlu memastikan sistem pengurusan koperasi diperkatakan dulu kerana masih terlalu banyak kelemahan terutama di luar bandar. Ada antaranya yang tidak mempunyai pengurus besar kerana mereka tidak mampu mem-

bayar gajinya.

“Sebab itu kita perlukan kakitangan profesional, kerajaan mesti tolong dan jangan serahkan hal ini sepenuhnya kepada pengurusan sedia ada. Kita ambil contoh Bank Rakyat, koperasi mereka berjaya kerana diuruskan kakitangan profesional, jadi kami yakin ia akan berjaya,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau diminta mengulas saranan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin supaya koperasi seluruh negara disusun semula bagi meningkatkan kecekapan pengurusan berorientasikan perniagaan menerusi rantaian nilai industri yang mampu meningkatkan tahap sosioekonomi ahlinya.